

Khazanah
**Peribumi
Sarawak**

Kompilasi Kajian
Sosio-Budaya

Yvonne Michelle Campbell
Mary Fatimah Subet

Khazanah
**Peribumi
Sarawak**
Kompilasi Kajian
Sosio-Budaya

Khazanah
**Peribumi
Sarawak**
Kompilasi Kajian
Sosio-Budaya

Yvonne Michelle Campbell
Mary Fatimah Subet

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Khazanah
**Peribumi
Sarawak**
Kompilasi Kajian
Sosio-Budaya

© UNIMAS Publisher, 2024

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh
UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak oleh
HENG SING BROTHERS PRESS
No. 37, Lot 75, Section 63, 1st Floor,
Jalan Chan Bee Kiew, 93450 Kuching,
Sarawak, Malaysia.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0054-65-0

Kandungan

Prakata	xi
1 Unsur Mitos Dalam Cerita Rakyat Kaum Punan Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin	1
2 Unsur Alam Hubungan Dengan Masyarakat Dan Pencipta-Nya Dalam Cerita Rakyat : Analisis Semiotik Norlina Kiflie, Nur Shazwanie Wakimin & Salina Sahari	15
3 Pengaruh Sinkretisme Dalam Kerarifan Lokal Kaum Kadayan: Analisis Cerita Rakyat Nur Shazwanie Wakimin & Norlina Kiflie	39
4 Cerita Rakyat Sebagai Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran: Cerita Rakyat Bidayuh, Dondan Yvonne Michelle Campbell	57
5 Simpulan Bahasa Masyarakat Melayu Sarawak : Satu Analisis Semantik Inkuisitif Saigatul Nisha Binti Abdul Salam & Mary Fatimah Subet	79
6 Perbezaan Sistem Fonologi: Dialek Melayu Sarawak, Saribas dan Dialek Melayu Sarawak, Kuching Salbia Hassan & Sharifah Katikah Wan Samsudin	111
Bibliografi	139

Senarai Jadual

Jadual 1.1	: Senarai rumah panjang/ kampung Punan (2019)	2
Jadual 3.1	: Contoh perkataan dalam dialek Kadayan dan Bahasa Melayu wujud persamaan	44
Jadual 3.2	: Contoh perkataan dalam dialek Kadayan dan Bahasa Melayu tiada persamaan	45
Jadual 4.1	: Jenis-Jenis Roh	68
Jadual 4.2	: Jenis-Jenis Bahasa Figuratif Dalam Dondan	76
Jadual 5.1	: Simpulan Bahasa 'Tikus Bulan'	81
Jadual 5.2	: Simpulan Bahasa 'Tua Keladi'	86
Jadual 5.3	: Simpulan Bahasa 'Terlanjur Hantu'	92
Jadual 5.4	: Simpulan Bahasa 'Kemeh Kerak'	97
Jadual 5.5	: Simpulan Bahasa 'Utak Udang'	103
Jadual 6.1	: Distribusi Fonem Vokal DMSbs	123
Jadual 6.2	: Bunyi Konsonan DMSbs, Debak	125
Jadual 6.3	: Distribusi Fonem Konsonan DMSbs	126
Jadual 6.4	: Perbezaan Bunyi Diftong antara DMSbs dan DMKch	129
Jadual 6.5	: Perbezaan Rangkap Vokal antara DMSbs dan DMKch	130
Jadual 6.6	: Perbezaan Fonem Konsonan antara DMSbs dan DMKch	131
Jadual 6.7	: Perbezaan Perangkapan antara DMSbs dan DMKch	132
Jadual 6.8	: Perbezaan Segmen lain antara DMSbs dan DMKch	133
Jadual 6.9	: Perbezaan Fonem Vokal antara DMSbs dan DMKch	134
Jadual 6.10	: Perbezaan Fonem Konsonan antara DMSbs dan DMKch	134

Senarai Rajah

Rajah 1.1	: Hubungan antara Tuhan, alam & manusia	12
Rajah 2.1	: Pendekatan Semiotik	21
Rajah 2.2	: Unsur Alam dan Hubungan Masyarakat Kaum Vaie	28
Rajah 2.3	: Tanda Unsur Alam Flora dalam Cerita Rakyat Kaum Vaie	33
Rajah 2.4	: Tanda Unsur Alam Fauna dalam Cerita Rakyat Kaum Vaie	34
Rajah 2.5	: Tanda Unsur Bencana Alam Cerita Rakyat Kaum Vaie	37
Rajah 3.1	: Fenomena Sinkretisme Mempengaruhi Kearifan Lokal Dalam Cerita Rakyat 'Burung Keruak'	49
Rajah 4.1	: Langkah-Langkah Penanaman Padi	66
Rajah 4.2	: Ringkasan Sejarah Perjalanan Kaum Bidayuh Bau-Jagoi	74
Rajah 5.1	: Gambaran Kognitif 'Tikus Bulan'	84
Rajah 5.2	: Gambaran Kognitif 'Tua Keladi'	89
Rajah 5.3	: Gambaran Kognitif 'Terlanjur Hantu'	94
Rajah 5.4	: Gambaran Kognitif 'Kemeh Kerak'	100
Rajah 5.5	: Gambaran Kognitif 'Utak udang'	106
Rajah 6.1	: Bunyi Vokal DMSbs, Debak	122

Senarai Gambar

Gambar 1.1	: Peta lokasi daerah Tatau, Sebauh dan Belaga	3
Gambar 1.2	: Muka depan buku cerita rakyat Sarawak yang bertajuk "Nariak dan Puteri Kayangan"	6
Gambar 2.1	: Bersama-sama informan dan penterjemah	25
Gambar 2.2	: Peta Lokasi Kampung Sepupok Niah	26
Gambar 2.3	: Pejabat Kerajaan di Taman Negara Niah	31
Gambar 2.4	: Tumbuhan Hutan di Taman Negara Niah	31
Gambar 2.5	: Bukit Kasut dan bukit Subis di Niah	32
Gambar 2.6	: Bersama-sama informan dan pemungut sarang burung (guano ¹) di dalam bukit dan Gua Niah	32
Gambar 6.1	: Peta Daerah dan Daerah Kecil di Bahagian Betong	113

Prakata

Buku ini memuatkan artikel perihal khazanah sosio-budaya pribumi Sarawak. Terdapat 6 bab kesemuanya.

Bab 1 memaparkan perbincangan tentang cerita rakyat kaum Punan di Sarawak. Cerita rakyat kaum Punan merupakan salah satu genre sastera yang berperanan sebagai sumber pedoman dan teladan kepada masyarakatnya. Justeru, cerita rakyat juga menggambarkan unsur mitos yang dominan dan berkaitan dengan kepercayaan terhadap asal-usul tempat dan kuasa sakti yang ada pada golongan tertentu. Pada era ini, sastera tradisi seperti cerita rakyat semakin tidak diminati oleh generasi muda. Hal ini demikian kerana, mereka lebih meminati karya-karya moden yang dipaparkan melalui medium teknologi seperti media sosial dan media cetak. Oleh yang demikian, menyedari akan betapa pentingnya karya tradisi ini kepada masyarakat Punan, maka kajian ini dijalankan untuk melestarikan dan mengangkat kedudukan sastera rakyat amnya dalam kalangan kaum minoriti khususnya dalam kalangan kaum Punan. Sehubungan dengan itu, terdapat 2 objektif dalam kajian ini. Objektif pertama ialah menghuraikan unsur mitos yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat kaum Punan. Manakala objektif kedua ialah menghuraikan dan menghubungkan mitos dengan kehidupan seharian masyarakat Punan. Kajian ini memanfaatkan teori sosiologi budaya dalam menghuraikan unsur mitos yang dipaparkan dalam karya cerita rakyat kaum Punan. Manakala data yang dianalisis pula, dipetik daripada buku kumpulan cerita rakyat Sarawak: "Nariak dan Puteri Kayangan". Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai unsur mitos kaum Punan yang terkandung dalam cerita tersebut dan secara langsung mencerminkan latar belakang sosial masyarakat tersebut. Antara unsur mitos yang terkandung dalam

cerita tersebut ialah asal usul sesuatu tempat atau benda dan juga kuasa-kuasa kesaktian yang dimiliki oleh golongan bangsawan.

Bab 2 membicarakan perihal unsur alam yang amat berkait rapat dengan persekitaran dan kehidupan dalam kalangan masyarakat kaum Vaie, Niah Miri. Kajian ini telah dijalankan di sebuah kampung Sepupok, Niah Miri dan fokus kajian ialah cerita rakyat kaum Vaie. Teori Semiotik atau tanda Ferdinand de Saussure (1857-1913) telah diterapkan dalam penyelidikan ini. Objektif kajian rintis ini adalah untuk mengenal pasti unsur alam dan hubungannya dengan masyarakat dan pencipta-Nya dalam cerita rakyat kaum Vaie. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa gaya penceritaan sastera lisan rakyat kaum Vaie dapat ditemui pada bahagian awal penceritaan mempunyai unsur alam seperti asal usul, tumbuhan, haiwan, dan mitos. Unsur seperti ini amat jelas dilihat pada perenggan-perenggan yang diceritakan dalam data-data yang diperolehi melalui temu bual dan rakaman. Selain itu, bahasa kaum Vaie juga didapati kurang digunakan dalam bentuk penulisan dokumentasi kerana bahasa Vaie bukan bahasa utama yang dituturkan oleh masyarakat di bahagian Miri. Oleh itu, untuk kelangsungan bahasa kaum ini, usaha daripada pelbagai pihak amat diperlukan untuk melestarikan bahasa sukuan Sarawak misalnya dialek Vaie dan cerita rakyat kaum Vaie yang harus dipergiatkan agar generasi pada masa akan datang dapat mengenali warisan, tradisi bangsa dan hubungan masyarakatnya dan Pencipta-Nya dengan alam melalui cerita rakyat "Asal Usul Nama Niah dan Kampung Sepupok" dan "Gegerzang". Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Tenas Effendy (2010:207) bahawa alam memainkan peranan yang amat besar dalam hidup dan kehidupan manusia berserta makhluk-makhluk lainnya di permukaan bumi ini. Itulah sebabnya orang tua-tua Melayu mengingatkan "bersama alam, manusia hidup dan tenggelam".

Bab 3 pula memaparkan cerita rakyat yang merupakan salah satu genre kesusasteraan yang berperanan sebagai interpretasi warisan dalam budaya sesebuah masyarakat. Elemen budaya ini termasuklah peraturan, norma, kepercayaan dan gaya hidup masyarakat dahulu yang masih lagi menjadi amalan daripada generasi ke generasi, seterusnya disampaikan menerusi pembelajaran dan warisan turun temurun. Oleh itu, dua objektif menjadi tunjang kepada penelitian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis kesinambungan unsur budaya dalam fenomena sinkretisme dalam mempengaruhi kearifan lokal yang masih wujud dalam kalangan masyarakat Kadayan menerusi cerita rakyat "Burung Keruak". Analisis ini merujuk sepenuhnya kepada data hasil daripada temu bual yang kemudiannya dirakam dan diolah semula untuk diterbitkan sebagai cerita rakyat kanak-kanak. Berdasarkan kepada penelitian ini, ia memberi

fokus kepada cerita rakyat "Burung Keruak" bagi masyarakat Kadayan di Sarawak. Dalam kajian ini, didapati bahawa 'upacara' yang dijalankan ialah berbentuk sinkretisme, iaitu melibatkan percampuran dua unsur; animisme dan ajaran Islam bagi menyelesaikan masalah yang berlaku. Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat, terdapat tiga unsur yang dominan, iaitu menujum, semangat padi dan keagamaan. Unsur-unsur ini masih lagi dipegang dan diamalkan oleh masyarakat Kadayan kerana mempunyai nilai didikan yang melambangkan budaya dalam masyarakat mereka.

Bab 4 berfokus kepada kajian cerita rakyat Bidayuh atau *Dondan* khasnya masyarakat Bidayuh di Bau, serta penggunaannya sebagai salah satu bahan pengajaran. Bahan penulisan bab ini diperolehi daripada analisis data melalui hasil daripada temu bual yang dijalankan di Bau. Penulisan dan analisis terhadap data hanya difokuskan kepada cerita rakyat masyarakat Bidayuh atau *Dondan*. Berdasarkan kepada data daripada masyarakat Bidayuh atau *Dondan* didapati walaupun pada zaman dahulu tidak ada teknologi, namun mereka mempunyai semangat yang tinggi kerana kaum Bidayuh telah dididik dengan gaya hidup yang mempunyai infiniti serta saling hormat menghormati dalam budaya bermasyarakat. Selain itu, terdapat juga elemen-elemen budaya dan adat upacara berkaitan padi dan penanaman padi. Tradisi ini merupakan warisan kepada kaum Bidayuh. Konsep pengajaran dengan kaedah bercerita juga telah meningkatkan perkembangan kognitif dan pembentukan identiti Bidayuh. Daripada hasil kajian didapati kesemua elemen pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan konsep bahan kesusasteraan melalui cerita rakyat telah memberi inisiatif dan sebagai anjakan paradigma yang berkesan kepada masyarakat dahulu kala khususnya kaum Bidayuh.

Bab 5 membincangkan penggunaan semantik inkuisitif bagi merungkai makna simpulan bahasa Masyarakat Melayu Sarawak. Simpulan bahasa merupakan sesuatu yang mempunyai seni serta menggambarkan pemikiran alam (*worldview*) sesuatu masyarakat. Maka sebab itulah simpulan bahasa ini perlu dipraktikkan dalam kehidupan kita seharian agar sentiasa menjadi bahasa halus dalam percakapan seharian kita. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap ujaran yang diujarkan oleh sesiapa sahaja terhadap kita mempunyai makna di sebaliknya. Pendekatan menganalisis makna dengan semantik inkuisitif dapat menemukan makna yang tepat dan sahih yang hendak disampaikan oleh penutur. Makna yang diuraikan dengan pendekatan turut melibatkan beberapa langkah analisis yang turut mengambil kira keupayaan kognitif, konteks dan yang dihubungkan dengan akal budi penutur. Analisis menggunakan kerangka semantik inkuisitif ini

menganalisis simpulan bahasa melalui sokongan fakta dan seterusnya dikaitkan dengan akal fikiran penutur. Ianya dilakukan melalui tiga tahap analisis, tahap pertama ialah analisis semantik skrip, tahap kedua ialah analisis semantik resonans dan tahap ketiga ialah analisis semantik inkuisitif. Setiap tahap analisis menyokong analisis makna harfiah ke peringkat seterusnya.

Bab 6 membincangkan perbezaan sistem fonologi di antara Dialek Melayu Sarawak, Saribas dan Dialek Melayu Sarawak, Kuching. Dialek Melayu Sarawak (DMS) terbahagi kepada tiga subdialek yang mempunyai tiga variasi dialek utama, iaitu dialek Melayu Kuching (DMKch), dialek Melayu Rejang (DMRjg), dan dialek Melayu Saribas (DMSbs). Tumpuan perbincangan berfokuskan sistem fonologi Dialek Melayu Sarawak, Saribas (DMSbs) di Daerah kecil Debak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti vokal dan konsonan yang terdapat dalam Dialek Melayu Sarawak, Saribas (DMSbs) di Daerah kecil Debak dan mencari perbezaan dengan sistem fonologi Dialek Melayu Sarawak, Kuching (DMKch) dalam kajian Madzhi Johari (1988). Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah menggunakan Model Deskriptif Asmah (2006) untuk menganalisis data kajian. Data kajian ini diperoleh secara kajian lapangan hulu yang menggunakan kaedah domain dan asosiasi idea. Analisis secara deskriptif digunakan untuk menentukan lapan bunyi vokal dan 19 bunyi konsonan yang wujud dalam DMSbs. Seterusnya, kajian ini berjaya mencari perbezaan fonologi di antara DMSbs dan DMKch. Perbezaan di antara DMSbs dan DMKch jelas dilihat dari segi perbezaan fonem konsonan. Selain itu, terdapat perbezaan dari segi diftong dalam DMSbs berbanding diftong DMKch iaitu, DMSbs mempunyai empat bunyi diftong yang terdiri daripada /aw/, /ay/, /oy/, dan /ey/ manakala DMKch hanya mempunyai satu bunyi diftong iaitu /oy/. DMSbs mempunyai lima bunyi rangkap vokal manakala DMKch mempunyai 13 rangkap vokal. Terdapat dua cara yang membentuk rangkap vokal iaitu pengguguran konsonan di akhir kata dan pengguguran salah satu konsonan antara vokal. Dapatan ini juga menunjukkan wujudnya perbezaan di antara DMSbs dan DMKch kerana berlakunya penggantian segmen lain dan perbezaan fonem vokal pada akhir kata serta fonem konsonan.

ini telah diterapkan dalam kebudayaan masyarakat Bidayuh. Sebagai contohnya, dalam dapatan tersebut telah diperincikan berkaitan dengan kebudayaan dan kepercayaan berkaitan dengan kehidupan seperti *biumuh*, *Gawai* dan juga *ngoyu*.

Selain itu, nilai-nilai moral telah diselitkan dalam cerita-cerita rakyat *dondan* ini termasuklah nilai hormat-menghormati, hidup bermasyarakat, kesetiaan dan juga keberanian. Setiap nilai moral ini telah ditunjukkan dan diterapkan melalui setiap aktiviti yang telah dijalankan oleh masyarakat Bidayuh tradisional. Jelaslah bahawa cerita rakyat khususnya *dondan* bukan sekadar memberi hiburan kepada pembaca atau pendengar, bahkan dalam *dondan* telah tersemat kebijaksanaan, ilmu, kebudayaan dan pelbagai nilai-nilai moral masyarakat Bidayuh untuk dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan kepada anak cucu mereka.

Bab 5

Makna Tersirat dalam Simpulan Bahasa Masyarakat Melayu Sarawak : Satu Analisis Semantik Inkuisitif

Saidatul Nisha Binti Abdul Salam

Mary Fatimah Subet

Semantik Inkuisitif Sepintas Lalu

Negeri Sarawak sememangnya mempunyai kepelbagaian bahasa, budaya dan juga agama yang dianuti. Penggunaan bahasa yang pelbagai menyebabkan masyarakat Sarawak mampu hidup dalam keadaan yang aman dan damai. Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia. Jumlah bahasa yang digunakan di negeri Sarawak ialah sebanyak 30 hingga 40 bahasa dan dituturkan di merata tempat (Asmah Haji Omar, 2004; Collins, 2004). Bahasa tersebut termasuklah dialek Melayu Sarawak yang bilangan penutur yang menuturkan dialek tersebut lebih kurang 472,173 orang (Mohammad Azlan Mis, 2010).

Bab ini mengemukakan dapatan kajian yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Pendekatan ini memaparkan tiga peringkat analisis di mana analisis dilakukan terhadap simpulan bahasa masyarakat Melayu Sarawak yang dijadikan data. Dapatan kajian inilah yang dikemukakan dalam bab ini. Pendekatan semantik inkuisitif mampu untuk merungkai makna yang diujarkan oleh penutur kepada pendengar mereka. Pencetus pendekatan ini ialah Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Menurut Nor Hashimah (2014), kajian makna yang dilakukan mengikut semantik skrip dan semantik resonans masih belum cukup untuk memaparkan makna sebenar yang diinginkan ataupun makna yang dihajati. Hal ini kerana, kerencaman data dan kepelbagaian

fenomena bahasa yang berlaku dalam bahasa membuatkan banyak persoalan timbul. Tambahan pula, persoalan tersebut tidak dapat dijawab dengan menggunakan semantik resonans. Hal ini kerana ketafsiran makna dalam bahasa Melayu bukan hanya berlaku secara kognitif dan pengetahuan yang ada pada manusia akan tetapi ada unsur lain yang turut mendasarinya.

Oleh itu, Nor Hashimah (2014) memperkenalkan satu pendekatan baharu yang dapat menafsir makna secara menyeluruh, yang dinamai Semantik Inkuisitif. Nor Hashimah memperkenalkan pendekatan ini dengan memaparkan atau membincangkan konsep pemikiran Hamzah Fansuri dalam lirik lagu "Bangau oh Bangau". Laman sesawang <http://www.meeriam-website.com> mentakrif 'inkuisitif' sebagai *an eager desire to find out about thing that are often none of one's business*. Rasa ingin tahu itu akan sentiasa ada kerana orang yang bersifat inkuisitif ialah orang yang kreatif. Dalam hal ini, analisis yang dilakukan bukan sahaja menggunakan bukti linguistik untuk menghuraikan pentafsiran makna akan tetapi juga memanfaatkan penggunaan ilmu lain bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan 'mengapa?'. Semua persoalan yang timbul ini melibatkan ilmu pengetahuan yang ada terhadap seseorang individu itu sendiri dan persoalan yang timbul melibatkan banyak cabang seperti sejarah, sains, geografi, sosiologi dan sebagainya.

Bab ini akan mengetengahkan makna implisit iaitu sesuatu yang termasuk ataupun terkandung dalam simpulan bahasa masyarakat Melayu Sarawak. Di samping itu, bab ini juga turut mengetengahkan langkah-langkah untuk menganalisis keintelektualan masyarakat Melayu Sarawak dalam penghasilan sesuatu simpulan bahasa dengan menerapkan kaedah semantik inkuisitif.

Kajian bidang semantik inkuisitif (SI) terus mendapat tempat dalam kalangan ahli sarjana tempatan dalam menganalisis data-data yang terdiri daripada khazanah masyarakat lama seperti peribahasa, simpulan bahasa, dan pantun. Seperti yang telah dinyatakan di atas, pelopor utama bagi bidang semantik inkuisitif (SI) di Malaysia ialah Nor Hashimah Jalaluddin. Nor Hashimah (2014), dalam bukunya yang bertajuk Semantik dan Akal Budi Melayu (2014), telah memperkenalkan pendekatan yang baharu dalam bidang linguistik iaitu semantik inkuisitif (SI) ini dalam meneroka makna dan falsafah di sebalik peribahasa. Inkuisitif

membawa maksud semangat ingin tahu serta dorongan untuk kita terus meneroka dan mencari jawapan kepada makna sebenar yang dihajati dan dimaksudkan dan yang hendak disampaikan oleh penutur. Nor Hashimah (2014) dalam buku ini bermula dengan mengemukakan aplikasi semantik inkuisitif ini dalam mencari makna di sebalik pemilihan sesuatu leksikal atau perkataan dalam peribahasa dan pantun.

Makna tersirat dalam simpulan bahasa Masyarakat Melayu Sarawak

Dalam pendekatan semantik inkuisitif ini, analisis dilakukan dalam tiga tahap iaitu analisis peringkat pertama yang dinamai semantik skrip (SS), peringkat yang kedua pula adalah semantik resonans (SR) dan analisis peringkat ketiga pula adalah semantik inkuisitif (SI). Berikut merupakan beberapa simpulan bahasa masyarakat Melayu Sarawak yang diteliti dengan menggunakan tiga tahap analisis semantik inkuisitif ini.

Tikus Bulan

Simpulan Bahasa • Tikus Bulan	Makna	
	Bahasa Melayu Standard Tidak cantik ataupun tidak kacak Standard	Dialek Melayu Sarawak Muka jaik ataupun muka sikkacak

Jadual 5.1: Simpulan Bahasa 'Tikus Bulan'

Analisis Peringkat 1 Semantik Skrip (SS)

Simpulan bahasa "tikus bulan" dalam jadual di atas merupakan simpulan bahasa dialek Melayu Sarawak (DMS) yang telah diperoleh daripada informan. Menurut Rasibah (Komunikasi Lisan, 19 Januari 2020), simpulan bahasa "tikus bulan" dalam bahasa DMS bermaksud "muka jaik" ataupun

“muka sik kacak” manakala dalam Bahasa Melayu Standard (BMS) pula adalah hodoh. Pemberian makna bagi simpulan bahasa ini amat unik kerana menggunakan unsur haiwan dan sains dalam masa yang sama.

Simpulan bahasa ini dianalisis secara lebih terperinci lagi dengan menggunakan tiga peringkat tahap analisis semantik inkuisitif (SI) yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Penggunaan simpulan bahasa dalam ujaran yang dipertuturkan oleh seseorang individu mempunyai makna implisit. Makna implisit itulah yang hendak dikaji oleh pengkaji dengan lebih mendalam lagi supaya maknanya dapat dirungkai dan diterjemahkan dengan baik sekali. Pada tahap yang pertama proses menafsir konteks simpulan bahasa ini menggunakan semantik skrip (SS). SS merupakan kajian makna secara harfiah sahaja ataupun mengkaji penggunaan makna yang diujarkan oleh penutur secara luaran bukan secara dalaman. Data 1 simpulan bahasa Melayu Sarawak tersebut, “tikus bulan” membawa makna “muka *jaik*” ataupun “muka *sik kacak*” manakala dalam bahasa Melayu Standard adalah tidak cantik ataupun tidak kacak. Sememangnya, hubungan makna pada tahap SS hanya mengkaji makna luaran sesuatu ujaran yang diujarkan sahaja. Peringkat ini masih belum mampu menyingkap makna sebenar yang dihajati oleh penutur. Makna ini perlu dikaji lagi dengan aplikasi SR untuk megetengahkan makna sebenar yang dihajati penutur ini.

Analisis Peringkat 2 Semantik Resonans (SR)


Analisis pada tahap 2 SR pula menekankan ciri ataupun unsur simpulan bahasa masyarakat Melayu Sarawak yang digunakan semasa komunikasi berlangsung antara penutur dan pendengar. Analisis tahap 2 SR menggunakan data, kognitif dan teori. Analisis makna pada tahap 2 ini memerlukan pembuktian teori. Maka, teori yang akan diguna pakai untuk mendasari analisis makna pada peringkat ini ialah Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1985). Aplikasi SR melibatkan keupayaan kognitif yang menyaksikan bentuk logik sesuatu makna berdasarkan keupayaan kognitif penutur-pendengar. Pada peringkat ini, analisis SR yang diaplikasikan menggunakan sepenuhnya keupayaan kognitif ini. Simpulan bahasa dialek Melayu Sarawak “tikus bulan” dirungkai makna

seterusnya dengan aplikasi TR yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Teori ini sesuai digunakan dengan pencarian makna kerana teori ini bergantung kepada tahap keupayaan kognitif untuk mencari makna sebenar. TR ini membenarkan pencarian makna berdasarkan konteks dan andaian-andaian yang sesuai.

Menurut Rasibah (Komunikasi Lisan, 19 Januari 2020), “tikus bulan” pula digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak untuk menggambarkan ketidakcantikan seseorang individu yang dimaksudkan oleh mereka. Tikus merupakan sejenis haiwan yang kotor, membawa penyakit dan haiwan perosak. Hal ini demikian kerana, tikus merupakan haiwan yang menjijikkan dan sesiapa sahaja tidak menyukai haiwan tersebut. Tikus juga merupakan haiwan yang jelek rupanya jika dibandingkan dengan haiwan lain, misalnya kucing. Seperti yang kita ketahui kucing semua orang menyukainya kerana sifatnya yang bersih dan manja apatah lagi dengan tuan mereka. Perbandingan antara tikus dan kucing boleh dijadikan contoh untuk membuat pentafsiran supaya lebih jelas dan mudah untuk difahami. Dengan adanya perbandingan seperti ini akan memudahkan kita melihat perbezaan dua elemen yang boleh dikaitkan bagi merungkai makna simpulan bahasa “tikus bulan” ini.

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (1970), bulan pula merupakan salah satu elemen yang terdapat di dalam cakerawala sistem bumi kita. Bulan pada dasarnya sesuatu yang sangat indah dan cantik apabila dipandang. Akan tetapi, bulan hanya cantik dan indah dipandang apabila diterangi oleh pencahayaan yang sangat baik. Sememangnya bulan tidak indah seperti yang digambarkan kita kerana kita hanya melihat bulan sekilas pandang sahaja tetapi tidak melihatnya dengan lebih dekat lagi.

Terdapat beberapa proses kognitif yang telah berlaku dalam pemikiran dan pandangan masyarakat Melayu Sarawak dalam mengaplikasikan simpulan bahasa “tikus bulan”. Perbezaan yang ada pada kedua-dua perkara ini menyebabkan mereka menggunakannya untuk dijadikan simpulan bahasa yang bertentangan maksudnya. Rajah 5.1 merupakan gambaran kognitif penutur yang lebih jelas tentang proses yang menggunakan kognitif penutur Melayu dalam mencipta simpulan bahasa ini.



Rajah 5.1 : Gambaran Kognitif 'Tikus Bulan'

Pada peringkat SR ini, pengetahuan sedia ada dalam pemikiran penutur tentang binatang tikus yang menjijikkan dan bulan yang cuma kelihatan cantik pada mata kasar manusia, membekalkan konteks yang diperlukan untuk mentafsir makna simpulan bahasa "tikus bulan" ini. Keupayaan kognitif yang ada pada pendengar menyimpulkan bahawa "tikus bulan" bermakna tidak cantik atau hodoh. Namun keadaan ini belum lagi mampu mengetahui kenapa tikus dan bulan ini diungkapkan untuk membentuk simpulan bahasa tikus bulan. Maka dengan itu, analisis semantik inkuisitif ini dilakukan seterusnya.

Analisis Peringkat 3 Semantik Inkuisitif (SI)

SI merupakan langkah terpenting dalam merungkai dan menghuraikan makna sesuatu ujaran yang dipertuturkan oleh penutur kepada pendengar selepas SS dan SR. Walaupun huraian kognitif dapat memberikan jawapan yang dikehendaki melalui bagaimana masyarakat Melayu Sarawak terdahulu mengaplikasikan sesuatu objek yang konkrit kepada abstrak iaitu benda yang tidak nampak dengan mata kasar. Penciptaan Simpulan bahasa masyarakat Melayu Sarawak (SBMMS) bukanlah dicipta dengan

sesuka hati tanpa menyamakannya kepada sifat yang ada pada diri manusia. Maka dari situlah akal budi Melayu digunakan untuk menafsir serta merungkai isi kandungan ataupun makna tersirat yang ada dalam simpulan bahasa yang mereka gunakan itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Melayu memang terkenal dengan sifat menjaga hati orang lain yang berkomunikasi dengan mereka. Oleh itu, simpulan bahasa "tikus bulan" memang mempunyai makna yang tersirat kerana tidak semua masyarakat Melayu Sarawak mengetahui makna sesuatu ujaran tersebut.

Bagi kajian SI ini, pengkaji akan mengkaji lagi setiap elemen yang boleh diketengahkan lagi dalam menghasilkan makna ujaran yang dipertuturkan oleh masyarakat Melayu Sarawak (MMS) khususnya. Pengkaji akan membuat penelitian dengan lebih teliti lagi berkaitan dengan penggunaan tikus yang dapat dikaitkan dengan simpulan bahasa Melayu Sarawak ini. Dalam bidang pertanian sebagai contohnya mempunyai banyak jenis dan kategori tikus seperti tikus rumah (*Rattus rattus diardi*) house rat, tikus riul (*Rattus norvegicus*) norway rat, tikus ladang (*Rattus exulans*) polynesian rat, tikur belukar (*Rattus tiomanicus sabae*) Malaysian wood rat, tikus sawah (*Rattus argentiventer*) Ricefield rat, tikus besar gunung (*Sundamys infraluteus*) Mountain giant rat, mencit rumah (*Mus musculus*) Asian house mouse, dan juga mencit sawah ataupun ladang (*Mus caroli*) ricefield mouse. Kajian ini telahpun dijalankan oleh Khusnul Khotimah pada tahun 2010. Tetapi dalam kajian ini, "tikus bulan" pula merupakan SBMMS yang menyifatkan sifat ataupun perangai yang ada pada seseorang individu itu sendiri. Berbanding dengan tikus yang dikemukakan oleh pengkaji lepas, "tikus bulan" merupakan tikus yang boleh dijadikan juga sebagai haiwan ataupun binatang peliharaan manusia. Tikus bulan dalam simpulan bahasa Melayu Sarawak ini mempunyai bau yang tidak menyenangkan dan juga mempunyai bau yang busuk sebab itulah tikus bulan dikaitkan dengan wajah yang dimiliki oleh seseorang individu itu sendiri. Tikus ambang bulan atau nama saintifiknya adalah *Enchinosorex gymnurus*; nama Inggeris adalah *moonrat* atau *gymure* adalah sejenis mamalia Malaysia yang termasuk dalam order Insectivora iaitu pemakan serangga. Ia adalah pemakan serangga (insektivor) terbesar di dunia. Justeru, ia dikaitkan dengan landak mengatakan bahawa tikus yang bernama tikus ambang bulan atau dalam nama saintifiknya adalah

Enchinosorex gynurus adalah sejenis mamalia Malaysia yang termasuk dalam order Insectivora iaitu pemakan serangga. Tikus ambang bulan ini mempunyai bau busuk yang seringkali dibandingkan dengan bawang putih yang reput, gas asetilena atau peluh tengik (Tweedie, 1978). Maka di sini pengkaji akan membuat perbandingan antara tikus dengan manusia. Hal ini demikian kerana, tikus mempunyai luaran yang kacau dan sempurna akan tetapi tidak semestinya mencerminkan dalaman yang ada pada seseorang itu sendiri. Bak kata pepatah Melayu, '*rambut sama hitam tapi hati lain-lain*'. Begitulah juga dengan perilaku dan tingkah laku manusia iaitu sifat luaran dan dalaman tidak mampu mencerminkan dan menjelaskan perwatakan sebenarnya manusia itu. Hal ini boleh dikatakan kerana, memang lahiriah manusia mempunyai sifat yang kepelbagaian maka sebab itulah kita jangan mudah untuk menilai seseorang individu.

Berikut merupakan contoh ayat yang diperoleh daripada informan bagi simpulan bahasa "tikus bulan" yang digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak;

"dahlah muka kedak tikus bulan, ada hati dengan aku" -

Dialek Melayu Sarawak

"dahlah muka macam tikus bulan, ada hati nak kat aku" -

Bahasa Melayu Standard.

Begitulah makna sebenar simpulan bahasa "tikus bulan" telah dapat dirungkai dengan menggunakan semantik inkuisitif (SI).

a. 'Tua Keladi'

Simpulan Bahasa Melayu Sarawak • Tua Keladi	Makna	
	Bahasa Melayu Standard (BMS) Buaya darat	Dialek Melayu Sarawak(DMS) Birah ataupun Rengat

Jadual 5.2: Simpulan Bahasa 'Tua Keladi'

Analisis Peringkat 1 Semantik Skrip (SS)

SBMMS 'tua keladi' tersebut membawa maksud "birah" ataupun "rengat". Manakala dalam Bahasa Melayu Standard 'tua keladi' membawa erti "buaya darat". Jelaslah bahawa dengan pemberian makna dari segi harfiah simpulan bahasa ini kita mampu mengetahuinya walaupun tidak secara mendalam. Penjelasan makna dari segi harfiah ataupun permukaan penting bagi meneroka dengan lebih lanjut lagi tentang simpulan bahasa Dialek Melayu Sarawak yang telah dinyatakan ini. Penggunaan simpulan bahasa ini pada dulu kala telah menyebabkan masyarakat kini mengaplikasikan penggunaannya, meskipun golongan muda terutamanya tidak tahu setiap simpulan bahasa yang digunakan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu. Maka sebab itulah pentingnya penggunaan simpulan bahasa agar sentiasa terpelihara daripada hilang ditelan oleh arus pemodenan zaman yang kian pesat ini.

Pendekatan penganalisan peringkat pertama iaitu peringkat SS ini belum dapat untuk memaparkan maksud yang hendak disampaikan dalam simpulan bahasa ini. Oleh yang demikian, penggunaan dan pengaplikasian SR pada peringkat kedua ini dilaksanakan untuk mencari sebab dan mengapa penggunaan simpulan bahasa itu wujud pada zaman dulu. SS merupakan salah satu elemen yang penting dalam membuat tafsiran makna yang telah diujarkan oleh penutur kepada pendengar yang mendengar setiap ujaran yang disampaikan oleh mereka. Maka pelaksanaan analisis SR perlu dilakukan untuk merungkai makna simpulan bahasa ini.

Analisis Peringkat 2 Semantik Resonans (SR)

Peringkat SR ini menerapkan penggunaan data, kognitif penutur itu sendiri dan melibatkan teori yang menjadi tunjang dalam analisis ini iaitu TR oleh Sperber dan Wilson (1985). Dalam peringkat analisis 2 SR ini kita dapat menyaksikan unsur logik yang digunakan dalam penghasilan ataupun penciptaan simpulan bahasa ini. Hal ini boleh dikatakan demikian kerana, penciptaan simpulan bahasa yang menjadi pengajaran ataupun teladan ini mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Maka

sebab itulah, analisis peringkat 2 SR ini penting kerana menggunakan sepenuhnya keupayaan kognitif yang ada pada penutur yang menuturkan simpulan bahasa ini.


Seperti yang telah dinyatakan tadi, simpulan bahasa “tua keladi” “dirungkai maknanya dengan penggunaan dan penerapan aplikasi TR. Penggunaan teori ini penting bagi memperkukuhkan lagi kajian simpulan bahasa ini. Dalam teori ini pencarian makna dicari berdasarkan konteks dan andaian- andaian yang diungkapkan serta berpatutan.

Menurut Kamus Dewan (1970), perkataan tua membawa maksud sudah lama hidup, sudah lanjut usia, sudah berumur, dan orang yang dianggap sudah lanjut usianya dan luas pengetahuannya. Penggunaan tua dalam simpulan bahasa itu menunjukkan perwatakan seseorang yang sudah menjangkau usia yang agak tua. Sebagai contohnya dalam lingkungan 40 tahun dan ke atas. Tua juga bersinonim dengan berumur, sudah lanjut usia, sudah berubah, sudah bongkok dan sebagainya. Maka sebab itulah penggunaan tua dikaitkan dengan seseorang yang telah berusia bukannya masih muda lagi. Umum mengetahui bahawa seseorang yang tua itu memang usianya dalam lingkungan 40 tahun dan ke atas dan tidak layak untuk dipanggil remaja lagi. Hal ini demikian kerana telah melewati usia remaja terlebih dahulu.

Keladi pula mengikut Kamus Dewan (1970) adalah sejenis tumbuhan iaitu herba yang ubinya boleh digoreng atau digulai. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa keladi ini juga merupakan sejenis tumbuhan yang boleh dimakan oleh manusia. Pada kulit luaran keladi ini boleh mengakibatkan anggota tubuh badan manusia boleh gatal jika terkena keladi tersebut. Hal ini demikian kerana, keladi tidak boleh dipegang dengan sesuka hati tanpa sebarang alas semasa hendak memangnya. Disebabkan itulah, keladi dikaitkan dengan perbuatan ataupun kelakuan seseorang individu yang mempunyai perangai yang seakan ciri-ciri keladi itu sendiri. Berdasarkan temu bual bersama dengan informan, keladi juga amnya tumbuhan yang boleh membawa alergic kepada individu jika memegang ataupun memakannya. Ini jelas menunjukkan bahawa keladi bukannya digunakan sembarangan tanpa logiknya dalam penciptaan simpulan bahasa Dialek Melayu Sarawak amnya. Penciptaan setiap simpulan bahasa ini sudah pasti mempunyai alasan yang tersendiri tanpa kita sedari.

Oleh itu dalam peringkat analisis tahap 2 SR ini terjadinya beberapa yang konteks yang melibatkan kognitif sesuatu masyarakat itu sendiri. Keadaan ini jelas melibatkan penggunaan simpulan bahasa yang telah dituturkan oleh penutur itu sendiri. Dalam peringkat 2 analisis SR ini juga, penggunaan simpulan bahasa akan dipecahkan mengikut pandangan dan buah fikiran masyarakat tersebut.

Rajah 5.2 menunjukkan gambaran kognitif bagi simpulan bahasa keladi tua seperti yang telah dinyatakan. Gambaran di bawah ini melibatkan penggunaan unsur kognitif masyarakat tersebut.



Rajah 5.2 : Gambaran Kognitif ‘Tua Keladi’

Pada peringkat gambaran kognitif ini ataupun peringkat SR, masyarakat tersebut hanya memikirkan bahawa tua hanyalah merujuk kepada seseorang yang sudah lanjut usia, seseorang yang sudah berumur dan bukannya masih muda lagi dan juga keadaan seseorang yang bongkok akibat sudah mencecah usia yang agak lama hidup di alam ini. Manakala, keladi pula memaparkan identitinya sebagai sejenis tumbuhan yang boleh dimakan oleh manusia. Keladi ini juga boleh dibuat dengan pelbagai jenis juadah mengikut cita rasa sesiapa sahaja. Bertitik tolak daripada itu, keladi

juga mempunyai ciri-ciri yang boleh menyebabkan seseorang individu mengalami kegatalan apabila memegangnya. Akan tetapi, penjelasan sebegini bagi tua dan keladi belum mampu untuk menyelongkar makna simpulan bahasa tua keladi tersebut. Konteks menunjukkan bahawa pemberian makna bagi setiap perkataan yang digunakan dalam SBMMS iaitu 'tua keladi' agar mudah difahami oleh pendengar. Tua digunakan bagi menggambarkan keadaan seseorang yang telah berusia dan sudah melalui zaman-zaman remaja mereka, dan keladi pula mengikut Kamus Dewan (1970) adalah sejenis tumbuhan iaitu herba yang ubinya boleh digoreng atau digulai. Dengan adanya maklumat tambahan iaitu keladi juga amnya tumbuhan yang boleh membawa alergi kepada individu jika memegang ataupun memakannya. Ini tidak memerlukan usaha proses yang tinggi kerana maklumat tambahan diperolehi daripada pengetahuan sedia ada yang ada pada penutur-pendengar. Akan tetapi, simpulan bahasa ini mempunyai makna implisitnya yang tidak mudah untuk difahami dengan jelas. Maka SI perlu digunakan untuk merungkai makna sebenar simpulan bahasa ini.

Analisis Peringkat 3 Semantik Inkuisitif (SI)

Peringkat analisis ke-3 SI ini akan membantu pengkaji untuk merungkai makna simpulan bahasa Dialek Melayu Sarawak 'tua keladi' yang dipertuturkan oleh penutur kepada pendengar. Hal ini demikian kerana, jika pendengar tidak tahu makna simpulan bahasa tersebut, maka mereka akan membuat tafsiran yang salah mengenainya. Penghuraian berdasarkan penggunaan gambaran kognitif yang telah diberikan belum dapat membantu sepenuhnya pentafsiran makna simpulan bahasa tersebut. Umumnya penciptaan simpulan bahasa dalam masyarakat Melayu dulu merupakan sesuatu yang agak abstrak kerana hanya orang yang mahir serta minat yang mendalam sahaja akan tahu makna yang hendak disampaikan melalui simpulan bahasa tersebut. Ironinya dengan penggunaan akal budi serta keintelektualan masyarakat Melayu, maka dapat membantu dalam merungkai makna simpulan bahasa ini dengan lebih lanjut lagi. Masyarakat Melayu pada zaman dulu kala memang antara masyarakat yang kreatif dan berdaya saing. Berdasarkan ini, kita

dapat melihat dengan adanya penghasilan ataupun penciptaan simpulan bahasa. Berbalik kepada simpulan bahasa 'tua keladi' ini, simpulan bahasa ini mempunyai makna tersurat dan makna yang tersirat mengapa simpulan bahasa tersebut diujarkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dulu.

Tanaman keladi atau nama saintifiknya adalah *colocasia esculenta* Linn Schoot sejenis tanaman kontan yang pernah menjadi bahan sumber karbohidrat penting di kawasan tropika. Tumbuhan ini dipercayai natif dan asli di Asia Tenggara dan ia tergolong dalam famili *Araceae*. Walau bagaimanapun, keladi juga dikatakan mempunyai kulit yang seakan-akan merah pada tubuh badannya, dan hal inilah yang menyebabkan berlakunya alahan ataupun kegatalan bagi sesiapa sahaja yang menyentuh keladi tersebut. Seperti pepatah Melayu menyatakan bahawa *miang-miang keladi, makin tua makin menjadi*. Maka sebab itulah, penggunaan keladi tua dikaitkan dengan individu yang "birah" ataupun "rengat" dalam DMS. Masyarakat Melayu Sarawak percaya perumpamaan tersebut mempunyai kerelevanan yang tersendiri.

Dengan adanya maklumat tambahan yang berkaitan dengan tanaman keladi tersebut, akan menguatkan lagi pemberian makna terhadap penggunaan simpulan bahasa tersebut. Hal ini demikian kerana, dengan adanya maklumat tambahan seperti itu mampu menjadi penguatan kepada simpulan bahasa tua keladi. Secara amnya, keladi memang merujuk kepada tumbuhan yang boleh membawa kepada kegatalan kepada sesiapa sahaja yang menyentuhnya. Maka sebab itulah, keladi dikaitkan dengan lelaki yang mempunyai karakter seakan-akan yang dimiliki oleh tumbuhan ataupun tanaman keladi tersebut. Maka tidak menghairankan, penciptaan setiap simpulan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak sangat berbeza dengan penciptaan simpulan bahasa masyarakat yang lain. Dari sinilah kita dapat melihat kerelevanan simpulan bahasa tua keladi tersebut oleh masyarakat Melayu Sarawak pada zaman dahulu kala.

b. 'Terlanjur Hantu'

Simpulan Bahasa Melayu Sarawak • Terlanjur hantu	Makna	
	Bahasa Melayu Standard (BMS) Tindakan diluar kawalan	Dialek Melayu Sarawak (DMS) Sik sengaja

Jadual 5.3 : Simpuln Bahasa 'Terlanjur Hantu'

Analisis Peringkat 1 Semantik Skrip (SS)

Data simpulan bahasa Melayu Sarawak yang di atas iaitu simpulan bahasa 'terlanjur hantu' sering diguna pakai oleh masyarakat Melayu Sarawak sejak dahulu lagi. Simpuln bahasa 'terlanjur hantu' membawa makna "sik sengaja" dalam DMS. Manakala dalam BMS pula membawa makna tindakan di luar kawalan ataupun tanpa disengajakan. Dengan pemberian makna dari segi luaran ataupun harfiah ini sedikit sebanyak memberikan gambaran atau bayangan simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini menjurus kepada sesuatu tindakan ataupun kelakuan seseorang individu itu sendiri tanpa niat. Penggunaan simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini sesuatu yang abstrak kerana menggunakan pemilihan perkataan "hantu" dan akan menyebabkan orang mengaitkan simpulan bahasa ini dengan mahkluk ghaib ataupun benda halus. Akan tetapi, penggunaan simpulan bahasa 'terlanjur hantu' masih diaplikasikan oleh masyarakat Melayu Sarawak khususnya di kawasan Lundu, Sarawak.

Sekali lagi, penggunaan peringkat penganalisan SS tidak mampu mendedahkan makna sebenar simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini. Maka sebab itulah penggunaan penganalisan peringkat yang kedua iaitu SR dilaksanakan bagi membantu dalam proses merungkai makna di sebalik simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini. Proses penganalisan peringkat SR ini akan mencari sebab mengapa pemilihan perkataan yang membentuk simpulan bahasa 'terlanjur hantu' digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Pelaksanaan analisis SR merupakan langkah yang tepat untuk membantu mencari makna tersirat ujaran yang diujarkan oleh penutur kepada pendengar.

Analisis Peringkat 2 Semantik Resonans (SR)

Analisis peringkat 2 SR melihat keupayaan kognitif masyarakat Melayu Sarawak dalam mencipta simpulan bahasa. Penggunaan dan penciptaan simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini mempunyai alasan di sebalik pemilihan perkataan yang digunakan dalam simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini.

Simpulan bahasa ini telah dirungkai dengan penggunaan TR yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1985. Pengaplikasian teori ini akan mampu memperkukuhkan pengkajian tentang simpulan bahasa tersebut. Makna simpulan bahasa ini akan dapat dirungkai dengan adanya konteks dan juga andaian-andaian yang bersesuaian. Andaian-andaian yang wujud boleh terdiri daripada andaian-andaian yang betul dan andaian-andaian yang salah. Maka sebab itulah andaian-andaian yang ada perlu diteliti dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan makna yang dihajati lari dari landasan yang sebenar.


Perkataan 'terlanjur hantu' digunakan dalam penciptaan simpulan bahasa ini oleh masyarakat Melayu Sarawak. Terlanjur berdasarkan Kamus Pelajar Edisi Kedua membawa pengertian sebagai terdorong, terlangsung, sudah memperkatakan atau melakukan sesuatu iaitu melebihi batas. Selain itu juga terlanjur membawa maksud kebetulan ataupun justeru. Terlanjur juga merupakan tindakan ataupun perbuatan seseorang individu yang berada di luar kawalan mereka iaitu secara tidak disengajakan. Perbuatan terlanjur ini kebiasaannya dilakukan oleh individu tanpa sedar yang mereka sedang melakukan sesuatu perbuatan.

Manakala perkataan "hantu" yang digunakan dalam simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat membawa makna ciptaan khayalan manusia yang menakutkan atau menggerunkan. Hantu juga merujuk kepada bunian siluman iaitu orang halus yang tinggal di hutan, gunung, laut dan lain-lain tempat. Selain itu, hantu juga membawa makna jembalang, puaka, dan penunggu. Tidak dinafikan juga hantu adalah kehantuan sifat atau perbuatan yang dikaitkan dengan hantu itu sendiri secara lahiriah. Perkataan "hantu" merupakan kata nama dalam suatu konteks yang mempunyai jenis yang tersendiri. Sebagai contohnya bersinonim dengan pelesit, pontianak, langsuir, jin, polong, mambang, orang halus, orang bunian dan banyak lagi nama yang popular. Semua orang sudah tentu akan gerun apabila mendengar

perkataan “hantu” apatah lagi hendak membayangkan rupa hantu yang sebenar. Maka disebabkan itulah terdapat sesetengah masyarakat takut akan hantu kerana mereka tahu bahawa hantu akan membawa anasir yang negatif terhadap diri mereka sendiri. Penggunaan perkataan “hantu” dalam penciptaan simpulan bahasa 'terlanjur hantu' bukanlah memfokuskan kepada hantu itu sendiri, akan tetapi, memfokuskan kelakuan ataupun perbuatan seseorang yang seakan ciri-ciri yang dimiliki oleh hantu itu sendiri. Penciptaan simpulan bahasa ini agak berlainan dengan simpulan bahasa yang lain. Hal ini demikian kerana, adanya penggunaan unsur mistik walaupun tidak secara menyeluruh.

Oleh hal yang demikian penganalisan peringkat kedua SR diperlukan kerana adanya penglibatan proses kognitif yang ada pada masyarakat itu sendiri. Peringkat penganalisan kedua SR ini mudah kerana adanya pengalaman lampau yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu sehingga mencetus penghasilan simpulan bahasa 'terlanjur hantu'. Disebabkan itulah gambaran kognitif amat penting supaya dapat membantu merungkai makna simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini agar kita tahu mesej serta nilai murni yang hendak disampaikan oleh masyarakat terdahulu khususnya kepada generasi muda kini.

Rajah di bawah menunjukkan gambaran kognitif bagi simpulan bahasa 'terlanjur hantu'. Gambaran kognitif ini jelas melibatkan penggunaan unsur yang sangat penting dalam pengkajian makna iaitu unsur kognitif masyarakat Melayu Sarawak khususnya.



Rajah 5.3 : Gambaran Kognitif 'Terlanjur Hantu'

Menerusi gambaran kognitif ini yang ada dalam penganalisan peringkat kedua SR hanya memberikan tumpuan terhadap pemikiran masyarakat tersebut mengenai simpulan bahasa 'terlanjur hantu'. Mereka memikirkan terlanjur yang merupakan perbuatan seseorang ataupun tingkah laku seseorang yang sudah melampau batas ataupun lari daripada kebiasaan yang sepatutnya. Perbuatan seseorang individu yang terlanjur ini mencerminkan ketidaksopanan ataupun kurang beradab dengan sesiapa sahaja. Maka sebab itulah penggunaan perkataan terlanjur diaplikasikan dalam simpulan bahasa DMS ini. Manakala, masyarakat Melayu Sarawak memikirkan ataupun membuat andaian bahawa hantu merujuk kepada manusia yang mempunyai kelakuan yang seakan-akan menyerupai hantu. Akan tetapi, andaian seperti itu tidak menjurus kepada benda mistik. Maka sebab itulah andaian-andaian yang timbul di benak fikiran mereka perlu diteliti dengan sebaik yang mungkin. Jika andaian-andaian tersebut salah maka proses pentafsiran makna simpulan bahasa ini akan lari dan tidak bertepatan, atau lebih mudah akan mendatangkan kesalahfahaman bagi individu yang tidak mempunyai pengalaman atau asas dalam pentafsiran simpulan bahasa ini. Bertitik tolak daripada ini, penjelasan ini merupakan penjelasan secara luaran kerana belum menjelaskan secara mendalam perkaitan hantu dengan perangai yang manusia miliki. Pelaksanaan penganalisan peringkat ketiga iaitu SI akan membantu pengkaji untuk merungkai makna yang dihayati bagi simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini.

Analisis Peringkat 3 Semantik Inkuisitif (SI)

Penganalisan peringkat 3 iaitu SI dilaksanakan dalam merungkai serta membongkar makna di sebalik simpulan bahasa 'terlanjur hantu' yang sering dipertuturkan oleh masyarakat Melayu Sarawak hingga ke hari ini. Sudah pasti simpulan bahasa 'terlanjur hantu' memberikan impak negatif kepada seseorang yang tidak mempunyai kesopanan dalam kehidupan seharian. Maka sebab itulah simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini diolah dengan sebaik mungkin oleh masyarakat Melayu Sarawak terdahulu. Akan tetapi, masyarakat Melayu Sarawak atau lebih spesifiknya golongan muda ada yang tidak tahu akan simpulan bahasa 'terlanjur hantu' ini kerana mereka telah jauh dibawa oleh arus pemikiran yang kian moden. Mereka

golongan muda lebih tertarik untuk bermain permainan atas talian yang mampu melalaikan diri mereka. Tanpa sedar mereka sudah banyak ketinggalan dalam memelihara khazanah bahasa yang sangat bernilai tinggi ini. Berbantuan penghuraian yang telah diberikan pada peringkat kedua analisis iaitu SR jelas terbukti masih belum dapat memberikan makna di sebalik simpulan bahasa ini. Ironinya penggunaan akal budi serta keintelektualan yang ada pada masyarakat dapat membantu untuk mengetahui makna sebenar simpulan bahasa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat dulu mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Simpulan bahasa 'terlanjur hantu' memang mempunyai makna tersurat yang hendak disampaikan kepada kita semua sebagai teladan pada masa yang akan datang.

Hantu ataupun jin ialah bahasa yang mudah untuk difahami masyarakat kini. Dalam kalangan masyarakat Melayu, jin dan syaitan juga dikenali dengan nama "hantu". Pada asalnya, istilah "hantu" merupakan satu entiti ghaib yang bersifat jahat dan mengancam manusia. Kepercayaan ini diwarisi secara turun temurun daripada zaman sebelum kedatangan Islam, bahkan sebelum kedatangan agama Hindu dan Buddha lagi. Orang Melayu dikatakan menganut kepercayaan animisme dan dinamisme. Menurut kepercayaan animisme, hantu dikaitkan dengan jelmaan roh orang mati, seperti hantu, kubur, puntianak, pocong, penanggalan, toyol, langsuir dan sebagainya. Manakala menurut kepercayaan dinamisme hantu dikaitkan dengan jelmaan "semangat" berupa penunggu sesuatu tempat atau objek. Sebagai contohnya, hantu air, hantu monyet, hantu busut dan sebagainya. Akan tetapi, setelah orang Melayu menganut agama Islam, kepercayaan kepada hantu semakin berkurangan tetapi tidak terhapus sepenuhnya. Istilah "hantu" digantikan dengan istilah jin dan syaitan, namun konsep hantu masih dikekalkan. Justeru itu, apabila disebut "hantu" maka hantu ini difahami sebagai jin atau syaitan tetapi dalam masa yang sama dikaitkan dengan jelmaan roh orang mati ataupun penunggu. Istilah hantu juga dulunya dikaitkan dengan penyakit, gangguan makhluk halus, bomoh, dukun dan pawang.

Keadaan ini dengan jelas menerangkan konsep hantu yang digunakan dalam simpulan bahasa 'terlanjur hantu' oleh masyarakat Melayu Sarawak pada zaman dulu kala. Mereka memilih penggunaan hantu kerana mereka dulu sebelum memeluk agama Islam lebih

cenderung kepada benda ghaib iaitu hantu. Maka tidak dihairanlah ada kepercayaan karut perihal sesetengah masyarakat Melayu dipercayai memelihara hantu untuk menjaga diri mereka serta menjaga seluruh keturunan mereka. Perkataan "hantu" itu sendiri memaparkan sikap ataupun tingkah laku yang ada pada diri seseorang jika melakukan sesuatu perkara yang melampau batas. Maka sebab itulah terciptanya penciptaan simpulan bahasa 'terlanjur hantu' dalam masyarakat Melayu Sarawak. Sememangnya penggunaan SI mampu merungkai makna di sebalik simpulan bahasa 'terlanjur hantu' dengan menerapkan elemen Al-Quran dan Al-Hadith.

c. 'Kemeh Kerak'

Simpulan Bahasa Melayu Sarawak • Kemeh Kerak	Makna	
	Bahasa Melayu Standard (BMS) Air kencing kera	Dialek Melayu Sarawak (DMS) Air yang sik manis / tawar rasanya

Jadual 5.4: Simpulan Bahasa 'Kemeh Kerak'

Analisis Peringkat 1 Semantik Skrip (SS)

Berdasarkan kepada data simpulan bahasa Melayu Sarawak yang keempat iaitu 'kemeh kerak', simpulan bahasa Melayu Sarawak tersebut membawa makna "air yang sik manis" ataupun "tawar rasanya" mengikut kefahaman masyarakat Melayu Sarawak terutamanya di daerah Lundu, Sarawak. Manakala makna dalam bahasa Melayu Standard pula adalah "air kencing kera". Pemberian makna dari segi harfiah ini sudah memberikan sedikit bayangan agar mudah untuk difahami. Akan tetapi, pemberian makna dari segi harfiah ataupun pemberian makna secara permukaan belum mencukupi bagi mengetahui makna yang hendak dihajati oleh pendengar.

Penjelasan makna ini tidak mampu membantu dengan banyak jika seseorang individu itu tidak memahami isi kandungan simpulan bahasa yang hendak disampaikan. Masyarakat Melayu dulu kala amat terkenal dalam penciptaan simpulan bahasa bahkan penciptaan cerita rakyat yang banyak mempunyai nilai murni dan juga teladan. Penciptaan simpulan bahasa ini juga mempunyai kelebihan dan kepentingan yang tersendiri dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak.

Tidak dinafikan bahawa penggunaan pendekatan penganalisisan ini belum mencapai matlamat yang dikehendaki oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, makna dari segi harfiah tidak mencakupi makna secara keseluruhan simpulan bahasa ini. Dalam menjalankan kajian ini, penggunaan SS sangat ditekankan kerana membantu untuk mengetahui makna perkataan yang digunakan secara satu persatu. Maka sebab itulah, penganalisisan SR diaplikasikan agar makna yang diperoleh daripada peringkat semantik skrip ini dapat diketahui.

Analisis Peringkat 2 Semantik Resonans (SR)

Simpulan bahasa ini akan dianalisis secara terperinci dengan menggunakan 3 tahap penganalisisan semantik inkuisitif (SI) yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Sebelum mengaplikasikan penggunaan SI, terlebih dahulu analisis dengan menerapkan penggunaan SR dilakukan. Persoalan seperti kenapa, dan kenapa harus dijawab dengan mengemukakan huraian yang bernas dan sah. Pengkajian menggunakan SR yang berbantuan teori mampu mendasari kajian ini dan akan membantu pentafsiran dengan lebih tepat lagi. Seperti yang telah dinyatakan dan digunakan dalam analisis SR data-data terdahulu di atas, teori yang diguna pakai adalah TR yang telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1985. Hal ini demikian kerana, setiap ujaran yang diucapkan oleh penutur kepada pendengar berkaitan dengan pendapat, pandangan, pengalaman dan mempunyai kreativiti yang sangat tinggi dalam penciptaan simpulan bahasa terutamanya simpulan bahasa masyarakat Melayu Sarawak. Masyarakat Melayu sememangnya amat terkenal dalam penggunaan kata ataupun perkataan yang berkias dalam kehidupan mereka seharian. Maka sebab itulah mereka menciptakan

simpulan bahasa yang dapat dikaitkan dengan sifat ataupun karakter seseorang individu itu sendiri.


"Kemeh" dalam DMS membawa makna "kencing" dalam bahasa Melayu Standard. Mengikut Kamus Bahasa Melayu yang diakses pada 23 April 2020, kencing membawa makna air najis yang keluar daripada kemaluan sama ada haiwan ataupun manusia. Kencing atau pembuangan air kecil ialah pemancutan air kencing dari pundi kencing melalui salur kencing ke luar tubuh badan. Dalam manusia (dan banyak haiwan lain) sihat proses ini berada di bawah kawalan sukarela. Dalam bidang Neurologi, kencing mungkin berlaku sebagai refleks luar kawalan. Dalam diri seekor haiwan lain pula sebagai tambahan kepada pembuangan bahan buangan. Dengan adanya maklumat seperti ini yang berkaitan dengan fakta sains akan dapat membantu dalam merungkai makna sebenar simpulan bahasa 'kemeh kerak' yang telah dicipta oleh masyarakat Melayu Sarawak sejak dahulu lagi. Menurut informan Rashibah (Komunikasi Lisan, 19 Januari 2020) perkaitan kencing dengan simpulan bahasa tersebut adalah disebabkan oleh warna air kencing kera yang seakan tawar warnanya. Tetapi bukan merujuk kepada rasa air kencing kera tersebut. Mereka mengandaikan yang kencing kera itu seolah-olah sama tawar dengan air. Tidak logik mereka pada zaman dahulu merasai air kencing kera semata-mata untuk mencipta simpulan bahasa ini. Lagipun, dalam pengetahuan sedia ada manusia yang bertamadun, tiada manusia normal yang akan meminum kencing. Perkara ini perkara yang menjijikkan.

Manakala perkataan "kerak" yang digunakan dalam Dialek Melayu Sarawak tersebut membawa makna kera. Kera merupakan seekor haiwan yang berbulu dan tinggal di kawasan hutan. Kera juga dikategorikan sebagai monyet yang biasanya berekor panjang. Kera juga mempunyai jenis yang banyak jika diteliti dengan lebih mendalam lagi. Maka sebab itulah pengkaji akan meneliti kepelbagaian jenis kera ataupun monyet ini. Hal ini demikian kerana, kita boleh meneliti dengan lebih jelas lagi penggunaan kera atau monyet dalam penghasilan simpulan bahasa ini. Antara jenis kera atau monyet adalah seperti *Pigmy Marmoset*, *Emperor Tamarin*, *Proboscis*, *Spider Monkey*, *Night Monkey*, *Colobus Monkey*, *Babom*, *Golden Snub-Nosed Monkey*, *Mona Monkey*, *Gelada*, *Tonkin Snub-Nosed*, *Lesula* dan *Douc Langur*. Penggunaan leksikal kera ini dalam penciptaan simpulan bahasa sememangnya dekat dengan kehidupan masyarakat

Melayu pada zaman dahulu. Hal ini kerana ada yang menjadikan kera itu sebagai haiwan peliharaan mereka. Penggunaan kera dalam simpulan bahasa mempunyai sebab dan alasan yang tersendiri oleh masyarakat Melayu Sarawak. Kera terkenal dengan sifatnya yang lincah dan aktif. Maka sebab itulah pengaitan kera dengan 'kemeh kerak' mempunyai asbab yang tersendiri. Di sini jelas menunjukkan bahawa masyarakat dulu kala sangat kaya dengan idea yang bernas dalam mencipta simpulan bahasa ini.

Oleh hal yang demikian, dalam peringkat analisis tahap 2 SR ini, menunjukkan terjadinya beberapa proses kognitif masyarakat Melayu Sarawak. Ini lebih jelas lagi apabila melibatkan penggunaan simpulan bahasa yang diujarkan oleh penutur kepada pendengar yang mendengar. Akan tetapi dengan adanya gambaran kognitif akan lebih membantu dalam merungkai makna simpulan bahasa 'kemeh kerak' ini.

Rajah di bawah menunjukkan gambaran kognitif yang melibatkan penggunaan unsur kognitif yang ada pada masyarakat Melayu Sarawak.



Rajah 5.4 : Gambaran Kognitif 'Kemeh Kerak'

Pada peringkat SR ini, penggunaan pengetahuan sedia ada iaitu pemikiran yang dimiliki oleh penutur tentang simpulan bahasa ini menyatakan simpulan bahasa ini untuk mengaitkan air yang diminum tidak mempunyai rasa ataupun tawar. Namun demikian, konteks diperlukan untuk menafsir simpulan bahasa ini. Dengan adanya keupayaan kognitif penutur yang menuturkan simpulan bahasa ini, kita dapat mengetahui bahawa bukan disebabkan mereka pernah merasa air kencing kera akan tetapi lebih kepada pengaitannya dengan warna air tersebut. Sebagai contohnya, warna air kencing kera dikaitkan dengan warna air yang tawar dan tidak mempunyai rasa. Namun demikian, keadaan ini masih belum mampu untuk merungkai dengan lebih tepat lagi penggunaan perkataan dalam simpulan bahasa "kemeh" dan "kerak" yang diungkapkan oleh masyarakat Melayu terdahulu dalam penciptaan simpulan bahasa ini. Maka pelaksanaan pentafsiran makna peringkat ketiga iaitu semantik inkuisitif SI dilakukan untuk mengetahui makna yang tersirat di sebalik penggunaan simpulan bahasa ini.

Analisis Peringkat 3 Semantik Inkuisitif (SI)

Pentafsiran pada peringkat semantik inkuisitif (SI) perlu dilaksanakan bagi merungkai dan menghuraikan makna sesuatu ujaran yang diujarkan oleh penutur kepada pendengar. Huraian kognitif yang dinyatakan dapat memberikan jawapan yang dikehendaki oleh pengkaji melalui bagaimana masyarakat terdahulu menghasilkan ataupun mencipta sesuatu simpulan bahasa secara spontan atau semula jadi. Masyarakat Melayu pada zaman dulu kala sememangnya sering menghasilkan idea yang bernas dalam Karya Sastra Melayu. Maka sebab itulah, ramai orang Melayu khususnya menghasilkan pantun, syair, sajak, gurindam, seloka dan sebagainya. Dengan adanya penciptaan simpulan bahasa yang turut dikenali sebagai bahasa berlapis amat sesuai digunakan bagi menjaga perasaan sesiapa agar tidak terasa hati. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang sangat menjaga adab dan salah satunya adalah adab dalam percakapan. Simpulan bahasa 'kemeh kerak' yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu Sarawak mempunyai makna yang tersirat. Hal ini kerana, tidak semua orang akan dapat memahami

makna penggunaan simpulan bahasa yang diujarkan seperti itu. Hanya sesetengah orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam penciptaan simpulan bahasa sahaja akan dapat membuat pentafsiran tentang suatu simpulan bahasa tersebut.

Pengkajian semantik inkuisitif (SI) ini telahpun digunakan oleh pengkaji dan dipraktikkan bagi mengkaji lagi elemen yang boleh dikaitkan dalam penghasilan simpulan bahasa yang diujarkan oleh penutur. Dengan adanya suatu elemen akan dapat membantu untuk merungkai makna sebenar simpulan bahasa 'kemeh kerak' ini. Tinjauan bidang biologi sebagai contohnya boleh digunakan untuk merungkai simpulan bahasa 'kemeh kerak' ini. Penelitian yang dilakukan dalam bidang ini mendapati warna air kencing mempunyai banyak jenis. Setiap warna ini perlu diambil kira dalam urusan perubatan yang berkenaan. Maka dari situlah kita dapat merungkai kaitan simpulan bahasa 'kemeh kerak' dengan warna air kencing. Dalam bidang biologi, terdapat maklumat perihal air kencing ini. Air kencing merupakan air buangan daripada tubuh badan manusia dan juga haiwan itu sendiri. Air kencing mempunyai 6 peringkat yang perlu diketahui iaitu peringkat yang pertama warna *urine* (air kencing) normal yang membawa maksud cukup minum dan tidak mengalami dehidrasi. Manakala pada peringkat kedua pula adalah warna air kencing (*urine*) agak sedikit lebih gelap yang membawa makna berada dalam keadaan yang baik dan hanya perlu menambah sedikit pengambilan air minuman. Peringkat yang ketiga pula adalah masih belum tergolong dalam golongan dehidrasi tapi perlu minum air sebanyak setengah liter air minuman dalam masa 1 jam. Seterusnya adalah peringkat keempat yang menunjukkan seseorang sudah tergolong dalam golongan dehidrasi dan perlu minum air sebanyak 1 botol. Pada peringkat yang kelima seseorang sudah mengalami dehidrasi dan tubuh sangat mengalami kekurangan air dan memerlukan air dengan kadar yang segera. Pada peringkat ini juga seseorang dinasihat agar mengelak daripada meminum minuman berkafein. Akhir sekali iaitu peringkat yang keenam yang menandakan seseorang mengalami dehidrasi yang parah. Seseorang yang berada pada peringkat ini dinasihatkan agar segera minum air dalam kuantiti yang banyak dan perlu berjumpa dengan doktor bagi pemeriksaan yang lanjut. Semua peringkat ini dikesan melalui warna air kencing.

Jelaslah bahawa simpulan bahasa yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu Sarawak mempunyai alasan yang tersendiri yang hendak ditonjolkan. Mereka mampu mengaitkan warna air kencing dengan air yang tawar rasanya. Sudah terang lagi bersuluh penggunaan semantik inkuisitif (SI) akan dapat merungkai makna sebenar di sebalik simpulan bahasa 'kemeh kerak' itu sendiri.

d. 'Utak udang'

Simpulan Bahasa Melayu Sarawak • utak udang/ otak udang	Makna	
	Bahasa Melayu Standard (BMS)	Dialek Melayu Sarawak(DMS)
	Lembab dalam sesuatu perkara ataupun perihal	Bodoh ataupun paloi

Jadual 5.5: Simpulan Bahasa 'utak udang'

Analisis Peringkat 1 Semantik Skrip (SS)

Data kelima dalam jadual di atas merupakan simpulan bahasa yang telah diperoleh daripada informan yang telah dipilih oleh pengkaji. Simpulan bahasa 'otak udang' dalam DMS ialah "bodoh" ataupun "paloi". Manakala dalam BMS pula adalah "lembab" dalam sesuatu perkara ataupun perihal yang dilakukan oleh seseorang individu itu sendiri.

Simpulan bahasa ini akan dianalisis secara lebih mendalam lagi dengan menggunakan semantik skrip (SS), semantik resonans (SR) dan juga semantik inkuisitif (SI) yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Penggunaan ketiga-tiga peringkat penganalisisan ini amat penting dalam mengetengahkan makna sebenar ujaran yang telah diujarkan oleh penutur kepada pendengar mereka. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, peringkat pertama analisis SS ini akan mengkaji makna perkataan simpulan bahasa tersebut secara harfiah sahaja iaitu pengkajian makna secara permukaan yang tidak melibatkan keseluruhan

makna simpulan bahasa yang dikehendaki. Berdasarkan kepada data simpulan bahasa di atas iaitu 'otak udang' membawa makna "bodoh" ataupun "paloi" dalam DMS dan dalam BMS pula "lembab dalam dalam sesuatu perkara". Maka jelas bahawa pemberian makna secara harfiah pada tahap pertama peringkat penganalisisan ini hanya memfokuskan kepada makna luaran sahaja dan belum secara mendalam lagi. Maka sebab itulah penggunaan SS tidak dapat membantu untuk menyelongkar makna yang dihajati oleh penutur kepada pendengar. Disebabkan hal ini, analisis tahap 2 SR akan digunakan untuk merungkai dengan lebih mendalam lagi makna setiap perkataan yang digunakan dalam simpulan bahasa ini.

Analisis Peringkat 2 Semantik Resonans (SR)

Analisis tahap 2 ini mengetengahkan penggunaan data, kognitif dan juga teori yang dapat membantu dalam merungkai makna simpulan bahasa ini. Teori yang mendasari analisis pada peringkat ini ialah TR oleh Sperber dan Wilson (1985). Aplikasi SR ini melibatkan keupayaan kognitif penutur itu sendiri. Analisis pada peringkat SR ini menggunakan sepenuhnya keupayaan kognitif yang ada pada diri penutur. "Otak udang" dirungkai maknanya dengan menggunakan aplikasi TR. Teori ini digunakan untuk pencarian makna yang bergantung dengan tahap keupayaan kognitif untuk mencari makna sebenar yang dihajati oleh penutur. Selain itu, TR ini akan membolehkan makna dianalisis berdasarkan konteks dan segala bentuk andaian yang sesuai akan dikaitkan dengan konteks. Andaian-andaian ini juga boleh terdiri daripada andaian-andaian yang betul dan juga boleh jadi andaian-andaian tersebut salah. Maka sebab itulah andaian-andaian yang akan dibuat perlulah bersesuaian dengan konteks yang ada dalam simpulan bahasa ini,

'otak udang' digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak terdahulu untuk mengaitkan ketidakpandaian seseorang individu itu sendiri dalam segala perihal yang dilakukannya. Otak merupakan fikiran, akal, benak, dan juga minda yang ada pada diri manusia itu sendiri. Semua manusia dikurniakan oleh pencipta otak agar mampu untuk berfikir secara waras dan juga dapat membezakan antara yang baik dan juga


buruk. Dalam ilmu Neurosains, otak dianalisis dari dua sisi iaitu secara struktur dan secara fungsi. Sisi yang pertama iaitu sisi struktur merupakan wadah yang digunakan untuk menampung informasi ataupun maklumat, data, pengetahuan dan lain- lain. Ilmu neurosains ini secara khususnya adalah bidang yang berkaitan fungsi dan struktur dari otak sebagai bahagian struktur yang membentuk makhluk hidup. Dengan mempelajari otak bermakna mempelajari bahagian terakhir daripada fungsi makhluk hidup yang sangat kompleks yang bertitik tolak daripada perihal semua segi kehidupan manusia yang bermula dari peringkat atom sehinggalah ke peringkat komunikasi bahkan aspek global itu sendiri. Menurut Taufiq Pasiak (2012), menyatakan terdapat dua alasan mengapa otak menjadi sangat penting. Alasan yang pertama ialah otak secara faali merupakan pusat segala aktiviti yang terjadi pada tubuh, antaranya adalah kegiatan sedar iaitu *voluntary* dan kegiatan tidak sedar iaitu *refleks* ataupun *involuntary*. Yang kedua pula adalah secara filosofis. Jika dilihat dari aspeknya, otak ini berada pada bahagian yang paling atas dari organ tubuh manusia yang dapat dianalogikan sebagai pemimpin suatu organisasi. Kebiasaannya, pemimpin itu disebut sebagai kepala yang membawa makna struktur tertinggi dalam organisasi tersebut dengan fungsi yang dikenal sebagai *controlling, managing* dan sebagainya.

Udang pula sejenis makanan laut yang amat sinonim dengan masyarakat kini. Lebih-lebih lagi masyarakat Melayu Sarawak pada zaman dahulu kala sering menjalankan aktiviti menangkap hasil laut untuk dijadikan sumber makanan dan rezeki mereka. Udang juga sejenis haiwan yang hidup di dalam air dan tergolong dalam sub-order *Dendrobranchiata*. Walaupun kelihatan sama sahaja dengan udang halus, udang ini berbeza dengan udang halus dari segi struktur insangnya. Insang udang dalam sub-order *Dendrobranchiata*. ini bercabang, manakala insang udang halus berhamela. *Takson* merupakan kembar kepada *Dendrobranchiata* iaitu *Pleocyemata* yang terdiri daripada semua udang halus, udang karang, ketam, dan sebagainya. Udang juga boleh didapati di dalam air masin dan air tawar. Pada masa kini, udang air masin dan air tawar ditenak secara besar- besaran di kebanyakan negara. Di Malaysia, udang ditenak di Pahang dan Sabah. Ladang ternakan udang di Pahang hanya untuk dieksport. Jika dilihat dengan lebih mendalam, struktur udang tersebut sangat lembut dan lembik. Maka sebab itulah masyarakat Melayu

dulu kala mengaitkannya dengan otak seseorang individu yang lembab seperti udang yang kelihatan lembut dan lembik tersebut. Penggunaan udang dalam simpulan bahasa otak udang ini sangat menarik kerana masyarakat Melayu dulu kala berjaya membuat kaitan antara udang dan juga otak. Maka dari sinilah kita dapat melihat keupayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu sangat tinggi sekali.

Terdapat beberapa proses kognitif yang telah berlaku dalam pemikiran masyarakat sehingga terhasilnya simpulan bahasa 'otak udang' ini. Perbezaan penggunaan kedua-dua unsur ini menyebabkan mereka mencipta simpulan bahasa yang sangat menarik untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi. Maka sebab itulah penelitian yang lebih jelas perlu dilakukan bagi kedua-dua perkataan tersebut agar dapat membantu merungkai makna simpulan bahasa 'otak udang' tersebut. Perbezaan dan persamaan bagi kedua elemen tersebut perlu dikaji dengan sebaiknya agar dapat menjawab persoalan yang timbul iaitu mengapa otak udang digunakan oleh masyarakat terdahulu untuk dijadikan simpulan bahasa yang sangat unik.

Rajah di bawah merupakan gambaran yang lebih jelas lagi mengenai bagaimana proses yang melibatkan kognitif penutur kepada pendengar dalam penciptaan simpulan bahasa ini.



Rajah 5.5: Gambaran Kognitif 'Otak Udang'.

Sememangnya pada peringkat gambaran kognitif seperti gambar rajah di atas ataupun pada peringkat penganalisan tahap SR jelas memaparkan keupayaan kognitif yang dimiliki oleh masyarakat terdahulu. Keupayaan kognitif yang baik yang dimiliki oleh masyarakat terdahulu akan membantu sedikit sebanyak tentang simpulan bahasa 'otak udang' ini. Hal ini demikian kerana, mereka menggambarkan otak hanya dimiliki oleh manusia sahaja bukan semua makhluk di muka bumi ini. Otak juga dimiliki oleh semua elemen yang ada di muka bumi ini termasuklah haiwan. Manakala, udang pula sudah jelas menunjukkan kepada kita sejenis makanan yang sangat digemari oleh sesiapa sahaja. Maka sebab itulah tidak dihairankan udang menjadi makanan kegemaran semua lapisan masyarakat termasuklah masyarakat Melayu Sarawak itu sendiri. Udang juga kebiasaannya boleh dimasak dengan pelbagai jenis menu yang sangat sedap untuk dimakan seperti udang masak kari, udang masak merah dan sebagainya. Udang secara fizikalnya mempunyai struktur badan yang lembik, sederhana keras, dan yang paling jelas bahagian kepala udang tersebut lembut akan tetapi tidaklah selembut makanan laut yang lain seperti sotong. Walau bagaimanapun, penerangan ini masih belum dapat untuk membantu dalam merungkai makna sebenar simpulan bahasa 'otak udang' ini. Hal ini demikian kerana, penjelasan elemen udang yang digunakan dalam simpulan bahasa ini hanya diberikan secara umum sahaja dan tidak secara mendalam. Seterusnya, pengaplikasian analisis tahap 3 iaitu SI perlu dilaksanakan agar dapat menafsir makna tersirat di sebalik simpulan bahasa 'otak udang' ini.

Analisis Peringkat 3 Semantik Inkuisitif (SI)

Penjelasan dengan mengaitkan keupayaan kognitif akan dapat membantu pengkaji dalam usaha merungkai makna simpulan bahasa ini. Akan tetapi, penjelasan sedemikian rupa belum berhasil untuk menyelongkar makna yang sebenarnya berkenaan simpulan bahasa 'otak udang'. Masyarakat Melayu Sarawak mempunyai akal fikiran yang sukar dijangka kerana setiap penggunaan perkataan dalam simpulan bahasa mempunyai alasan yang kukuh. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka tidak sesuka hati dalam mencipta sesuatu simpulan bahasa yang mampu mencerminkan sifat

ataupun kelakuan seseorang individu. Udang merupakan sejenis binatang yang hidup di air yang berkulit keras, berkaki sepuluh dan berekor. Udang juga mempunyai banyak jenis ataupun kategori antaranya adalah udang galah, udang geragau, udang kara, udang karang, dan udang kertas. Penggunaan udang dalam simpulan bahasa ini memaparkan kelainan yang cuba diterapkan oleh masyarakat Melayu Sarawak dalam menghasilkan simpulan bahasa. Masyarakat Melayu Sarawak khususnya pada zaman dahulu mendiami kawasan yang berhampiran dengan sungai. Maka sebab itulah mereka cuba menggunakan udang untuk menghasilkan simpulan bahasa 'otak udang'. Akan tetapi, kita perlu ambil maklum yang udang mempunyai pelbagai jenis dan juga saiz. Udang yang besar tidak mungkin lembut pada bahagian kepalanya. Maka udang yang bersaiz kecil agak lembut pada bahagian kepalanya. Maka sebab itulah pemilihan udang dalam simpulan bahasa ini mempunyai sebab yang tersendiri. Simpulan bahasa ini tidak diolah dengan sesuka hati mereka dan bukanlah alasan untuk mereka mengumpat atau memperlekehkan seseorang individu itu sendiri.

Bertitik tolak daripada ini, dengan adanya maklumat tambahan yang berkaitan dengan udang secara spesifiknya dan menyenaraikan jenis serta kategori udang akan memudahkan simpulan bahasa ditelusuri dengan mendalam. Maklumat ini menjadikan penguatan kepada simpulan bahasa 'otak udang' yang diujarkan oleh penutur kepada pendengar mereka. Kajian simpulan bahasa 'otak udang' ini perlu mengambil kira penggunaan saiz udang yang mereka gunakan. Hal ini demikian kerana bagi mengelakkan kekeliruan tentang penggunaan udang dalam simpulan bahasa tersebut. Maka penentuan saiz udang amat penting dalam merungkai penggunaan simpulan bahasa ini. Jika penggunaan saiz udang salah ditafsir maka pendengar akan mengalami kekeliruan untuk memahami jenis udang yang digunakan. Hal ini demikian kerana, seperti yang telah dinyatakan saiz udang kecil sahaja yang lembut pada bahagian kepala bukan udang yang bersaiz besar seperti udang galah khususnya. Maka jelaslah bahawa penganalisan tahap 3 iaitu SI dapat membantu merungkai makna simpulan bahasa 'otak udang'.

Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa penelitian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini merupakan cara yang terbaik bagi merungkai makna simpulan bahasa ini untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi. Analisis menggunakan kerangka semantik inkuisitif membolehkan pengkaji untuk menganalisis simpulan bahasa tersebut melalui sokongan fakta dan seterusnya dikaitkan dengan akal fikiran penutur. Analisis semantik inkuisitif dilakukan melalui tiga tahap analisis. Setiap tahap analisis menyokong analisis makna harfiah ke peringkat seterusnya, tahap pertama ialah analisis semantik skrip, tahap kedua ialah analisis semantik resonans dan tahap ketiga ialah analisis semantik inkuisitif. Dengan penerapan teori yang amat kukuh mampu membantu pengkaji mendedahkan makna simpulan bahasa tersebut. Pembuktian dengan teori Relevans atau TR sangat bertepatan dalam menjalankan kajian ini. Simpulan bahasa merupakan sesuatu yang mempunyai seni jika tidak dijaga dan dikekalkan warisan kepada generasi yang akan datang. Maka sebab itulah simpulan bahasa ini perlu dipraktikkan dalam kehidupan kita seharian agar sentiasa menjadi bahasa halus dalam percakapan seharian kita. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap ujaran yang diujarkan oleh sesiapa sahaja terhadap kita mempunyai makna di sebaliknya.

Bibliografi

- Abdul Rahman Abdullah. (1990). *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara Sejarah dan Perkembangan Hingga Abad ke- 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. (2008). Subklasifikasi dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Melayu*. 3, 19-51.
- Amde Sidik. 2009. *Borneo Yang Mistik Kadayan*. Kota Kinabalu: Borneo Books Publishers.
- Asmah Haji Omar & Kamila Ghazali (2017). *Indigenous minorities of Bintulu :a sociolinguistic mapping*. Dalam Asmah Haji Omar & Norazuna Norahim (Ed.), *Linguistics minorities, their existence and identity within larger communities* (pp 27-36). Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar dan Rosline Sandai. (2012). *Fonologi Bahasa Iban*. Tanjong Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (1973). *Linguistik Deskriptif Dan Tradisi Lisan* dlm. Seminar Pusat Pengumpulan, Pengajian dan Penggunaan Tradisi Lisan, Universiti Malaya, pada 29-31 Mac, 22-23.
- Asmah Omar. (1995). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusaka.
- Asmah Omar. (2006). (Ed.). *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asmah Omar. (2008a). *Susur Galur Bahasa Melayu* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2008b). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Hanafi Haji Salleh. (2004). Puak Kadayan di Kampong Lamunin: Suatu Penyelidikan Awal Berdasarkan Sejarah Lisan. *Jurnal PUSAKA (11) 2004 : 45- 51*

- Baszley Bee, Sabihah Osman dan Nordin Sakke. (2009). *Asas Kajian Persempadanan Negeri Sabah*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Brown, D. E. (1970). *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Brunei: Brunei Museum.
- Chaiyanara, P.M. (2006). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chan, Henry. "Survival in the rainforest: Change and resilience among the Punan Vuhang of eastern Sarawak, Malaysia." Research Series in Anthropology (2007).
- Chong, S. (2009). Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. *International Journal of The Malay World and Civilization* 27:2, 59-71.
- Clayre, Ian. "Punan Ba': Melanau link with the Ulu Rejang." *Sarawak Gazette* 98 (1972): 23-25.
- Collins, J. T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul, S. (2013). Diambil daripada <http://khairuloneband.blogspot.my/2013/02/sebuahdaerah-bernama-debak.html>
- Collins, J.T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (2004). Malayric Language of Sarawak. In *The Encyclopedia Malaysia Volume 9* (pp.32-33). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2018). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1).
- Fatimah Md Yassin. (1991). *Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan - Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika*. Dialog Kesusasteraan. Disunting oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin dan Zahir Ahmad, pp. 79-110. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ghazali Basri. (2013). *Ilmu Perbandingan Agama Suatu Pengenalan*. Selangor: Kolej Dar Al- Hikmah.
- Guerreiro, Antonio. (1988) "Cash crops and subsistence strategies: Towards a comparison of Kayan and Lahanan economies." *The Sarawak Museum Journal* 60: 15- 55.

- Hashim Awang et.al. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hassan Ahmad . (2004a). Bahasa Melayu dan minda Melayu: satu tinjauan kritis. *Jurnal Melayu* 1: 388-392.
- Hassan Ahmad. (2004b). Bahasa dan pemikiran Melayu: tradisi dan kesinambungannya. Dlm. Worawit Baru@Haji Ahmad Idris (pngr.). *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesinambungan*, hlm. 1-12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=semiologi&d=28648&#LIHATSINI>
- Ismail Hamid. (1986). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Jiso Rutan & Abdul Kadir Mohd. Yunus (pngr.), (2015) *Nariak dan Puteri Kayangan*.
- Julayhi Tani. 1991. *Sosioekonomi Komuniti Kadayan: Satu Kajian Kes*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2005). Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- King, V.T. (1993). *The People of Borneo*. Cambridge, Mass: Blackwell Publishers.
- Kirk, J., Miller, M. L., & Miller, M. L. (1986). *Reliability and validity in qualitative research* (Vol. 1). Sage.Lexy, J. M. (2007). *Metodologi Penelitian Kualitatif Edisi Revisi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leake, D. (1989). *Brunei: The Modern Southeast Asia- Asian Islamic Sultanate*. North Carolina: McFarland & Co.
- Lexy, J. M. (2007). *Metodologi Penelitian Kualitatif Edisi Revisi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Low Kok On. (2009). *Tradisi Lisan Keramat Tuanlu Syarif Kedah di Pulau Labuan*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- MacDonald, Malcolm. (1958). *Boerneo People*. London.
- Madzhi Johari. (1988). *Fonologi dialek Melayu Kuching*, Sarawak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Magiman, M. M., & Majid, M. A. (2014). Kehidupan dan Budaya Padi Kadayan di Sarawak. *Manusia Dan Masyarakat*, 25(Antropology), 1-32.

- Mohamad Maulana Magiman dan Othman Yatim. 2012. Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan, Sarawak. *Jurnal Melayu* (9) 2012: 259- 287.
- Mohamad Suhaidi Salleh. (2012). Praktik Budaya dan Status: Kajian Kes Kadayan Sarawak. Makalah, *Persidangan Agama dan Masyarakat*, Universiti Malaysia Sabah, 31 Oktober- 1 November 2012.
- Mohammed Azlan Mis. (2010). Medium Perantara Pelbagai Suku kaum di Sarawak : Kajian Lingua Franca. *Gema Online Journal of Language Studies*. 12(3):903-922
- Mohd. Taib Osman. (1991). *Penyelenggara. Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. (1982). *Manual for Collecting Oral Traditional with Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohidin, S. H. (2010). Pemberontakan di Brunei, 1962: Sabah dan Sarawak terkena tempasnya. Haji Said bin Haji Mohidin. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=r9VJMwEACAAJ>
- Moris, H.S. (1978). *The Coastal Melanau. Essays On Borneo Societies*, ed. Victor T. King, 37-58. Oxford: Oxford University Press.
- Needham, Rodney. (1955). "Punan Ba." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 28.1 (169): 24-36.
- Noor Azureen Hamid dan Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). Asimilasi Homorganik Nasal Dialek Melayu Saribas. *Gema Online Journal of Language Studies*. Vol. 17(2), hlm 176-177.
- Noor Azureen Hamid, Sharifah Raihan Syed Jaafar dan Tajul Arifin Kassin. (2016). Sistem Fonologi Dialek Melayu Saribas berasaskan Fonologi Generatif. *Jurnal Bahasa*. (1), hlm 3-4.
- Noor Azureen, H., Sharifah Raihan, S. J. & Tajul, A. K. (2016). Sistem Fonologi Dialek Melayu Saribas berasaskan Fonologi Generatif. *Jurnal Bahasa*. (1), 3-4.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Normala Othman. (2016). Sejarah dan Latar Belakang Masyarakat Kadayan. *Jurnal Al-Hikmah* 8(2) 2016: 3- 18.
- Olajide, S. B. (2010). Folklore and Culture as Literacy Resources for National Emancipation. *International Education Studies*, 3(2), 200-205. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1066002.pdf>
- Oli, A. (2016). *The Role of Folktales and Short Stories in Teaching Listening: The Case of Oromo Language*. <https://www.semanticscholar.org/paper/The-Role-of-Folktales-and-Short-Stories-in-Teaching-Oli/f72ef4a534a9e2c0f239bb641eaa84ac70a720d1>
- Othman, N. (2016). Sejarah Dan Latar Belakang Masyarakat Kadayan. *Al-Hikmah*, 8(2), 3-18. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/9940/1/239-891-2-PB.pdf>
- P.M Shariffuddin. (1969). The Kedayans. *The Brunei Museum Journal Vol. 1, No.1: 15- 23*.
- Pasiak, T. (2012). Tuhan dalam Otak Manusia: Mewujudkan kesehatan spiritual berdasarkan neurosains. *Bandung: Mizan*.
- Pawi, A. A. A. (2013). Dan Mabifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik Di Sarawak (Weltanschauung and the Manifestation of Beliefs in the Ethnic Traditions of Sarawak). *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 6 Bil. 2, 139-154. Retrieved from https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00013854_134248.pdf
- Pham, T. H. N. (2016) Folktales as a Valuable Rich Cultural and Linguistic Resource to Teach a Foreign Language to Young Learners. *International Journal of Education, Culture and Society*,1(1), 23-28. doi: 10.11648/j.ijecs.20160101.15
- Pike. (1968). *Phonemics*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Prastiwi, Y. (2015). *Folktales as a medium of teaching English: two primary schools in Solo, Indonesia*. PhD Thesis, Deakin University. <https://dro.deakin.edu.au/eserv/DU:30082775/prastiwi-folktales-2015A.pdf>
- Plummer, Ken. (1997). "An invitation to a sociology of stories" dlm *Studying Culture: An Introductory Reader* oleh Ann Gray and Jim McGuigan (peny). London: Arnold
- Portal Rasmi Bahagian Betong. (2017). <http://www.betong.sarawak.gov.my/modules/web/pages>. Dicapai pada 22 Februari 2017.
- Portal Rasmi Bahagian Kuching. (2017). <http://www.kuching.sarawak.gov.my/page-0-14-60->
- Rahani Hosen. (2007). *Varian Melayu Di Lembangan Batang Saribas: Satu Penelitian Dialek Geografi*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ranjit Singh, D. S. (1991). *Brunei 1839- 1983, The Problems of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.
- ⁱEddy Setia & M. Surip. (2019). *Analisis Semiotik dalam Memahami Bahasa Agama di Era Globalisasi*. JUPIIS: Jurnal Pendidikan Ilmu-ilmu Sosial. ISSN 2407-7429 (Online) II ISSN 2085-482X (Cetak).
- ⁱⁱAsmah Haji Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. ⁱⁱⁱKuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- ⁱⁱⁱRumah panjang untuk penduduk kampung yang tinggal di kawasan Bukit Subis.

- Robins, R.H. (1964). *General Linguistics: An Introductory Survey*, Longmans, Green and Co. Ltd, London
- Sablee Bagol. (1994). *Adat Istiadat dan Kebudayaan Suku Kaum Kadayan: Satu Tinjauan di Daerah Sipitang*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Bahasa, Fakulti Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Selangor.
- Saiee Driss. (1996). *Wawasan Melanau. Wajah Dan Identiti Melanau*. Kuching: Lembaga Amanah Kebajikan Kaum Melanau dan Persatuan Melanau Sarawak.
- Salbia Hassan. (2015). Sistem Vokal Dialek Melayu Kabong, Sarawak. *Jurnal Bahasa*. (1), 88-89.
- Sanoda Anak Anyal (2007), *Kajian Semiotik Dari Aspek Watak Dan Perwatakan Dalam Naskah Si Bongkok Tanjung Puteri*, Tesis Sarjana Muda, Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak.
- Sanrol Abdullah (2016). *Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak*, Malaysia, Tesis Phd. Univeristi Putra Malaysia.
- Sercombe, Peter & Sellato, (2011) *Beyond the green myth: Borneo's hunter-gatherers in the twenty-first century*. Nias Press.
- Shamsidah Sahid. (1993). Peranan Sarjana Dalam Penilaian Teks Sebagai Cerminan Budaya Melayu. *Dewan Sastera*. November 1993: 11- 13.
- Siti Zubaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak- Kanak. *International Journal of the Malay World and Civilization* 4 (1) 2016: 93- 103.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (2nd ed). Toronto, Canada: John Wiley and Sons.
- Teck, O, S., Suri, N, S, A., & Aman, R. (2016). Fonologi subdialek Pulau Pinang: satu kajian di Balik Pulau. *Gema: Online Journal of Language Studies*, 13
- Tenas Effendy. (2010). *Kearifan Pemikiran Melayu*. Pekan Baru: Penerbitan Yayasan Tenas Effendy.
- Toelken, B. (1996). *The Dynamics of Folklore*. Logan Utah: Utah State University Press.
- Wolff, Janet. (1981). *The Social Production of Art*. London: The Maxmillan Press Ltd
- Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, (1978). *Sejarah Melayu Satu Perbincangan Kritis dari Pelbagai Bidang*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Sarawak bukan sahaja kaya dengan pelbagai khazanah alam bahkan turut kaya dengan khazanah sosiobudayanya yang telah mewarnai landskap negeri yang digelar Negeri Kenyalang itu.

Buku "Khazanah Peribumi Sarawak: Kompilasi Kajian Sosiobudaya" ini mengandungi enam artikel ilmiah yang membincangkan cerita rakyat dan bahasa daripada pelbagai masyarakat etnik di Sarawak, khususnya etnik Punan, Vaie, Kadayan, Bidayuh Bau-Jagoi, dan Melayu Sarawak.

Bahasa dan cerita rakyat merupakan warisan dalam masyarakat yang mengandungi pelbagai elemen budaya merangkumi peraturan, norma, kepercayaan dan gaya hidup serta berkait rapat dengan unsur alam, persekitaran dan kehidupan penuturnya. Kompilasi ini mengetengahkan perkaitan antara cerita rakyat, bahasa dan budaya iaitu, gabungan ini telah membantu menghasilkan interpretasi warisan serta memberi gambaran pemikiran alam (worldview) dalam sudut pandang masyarakatnya.

Berdasarkan kerja lapangan dan analisis yang mendalam, setiap bab dalam buku ini memberikan pengetahuan yang berharga tentang warisan budaya dan kepelbagaian bahasa dalam masyarakat etnik Sarawak. "Khazanah Peribumi Sarawak: Kompilasi Kajian Sosiobudaya" merupakan salah satu sumber bacaan yang boleh dijadikan sebagai rujukan bagi sarjana, pelajar dan peminat bahasa dan budaya. Menelusuri daripada naratif mistik Punan hingga ke sistem fonologi Dialek Melayu Sarawak, kompilasi ini turut menjemput para pembaca untuk meneroka cerita rakyat dan bahasa masyarakat etnik di Sarawak.



Yvonne Michelle Campbell merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa Inggeris daripada Universiti Putra Malaysia, Ijazah Sarjana dalam Bidang Linguistik Sastera daripada University of Nottingham dan seterusnya, Ijazah Kedoktoran dalam bidang Etnolinguistik daripada Universiti Malaya. Bidang kepakaran dan penyelidikan beliau berfokus kepada Linguistik Antropologi, kajian budaya, khususnya tradisi lisan serta kajian bahasa masyarakat Bidayuh di Sarawak.



MARY FATIMAH SUBET ialah pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau memiliki Ijazah Bachelor Pendidikan (PBMP) (Kep) dari Universiti Putra Malaysia, Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden dari Universiti Malaya, Doktor Falsafah (Linguistik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Diploma Pascasiswazah dari UNIMAS. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai seorang guru di peringkat menengah atas selama hampir 15 tahun. Kajian beliau banyak tertumpu dalam bidang Semantik, Pragmatik, Kesusasteraan Melayu, Bahasa Melayu serta Dialek Melayu Sarawak. Beliau turut terlibat dalam kajian perihal bahasa peribumi Sarawak seperti Bahasa Bidayuh dan Bahasa Melanau. Beliau aktif dalam bidang penulisan, penyelidikan, dan penerbitan.

ISBN 978-967-0054-65-0



One tree
planted
for every
book
published



UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS PUBLISHER

UMS | PENERBIT UMS